

Warta suku tahun yang menghubungkan penerbitan sumber dalam BM dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia di Malaysia

Kempen Paskah 2011: "Satu Keluarga, Satu Buku Cerita Alkitab"

Wawasan Penabur telah melancarkan kempen "**Satu Keluarga, Satu Buku Cerita Alkitab**" pada 26hb Mac 2011, bertempat di Gereja Anglikan St. Paul's PJ. Setiausaha Eksekutif Komisi BM NECF, Alfred Tais, mengatakan sejak tahun 1980-an kita tidak lagi dapat mengimpot buku-buku rohani dari negara jiran dengan bebas kerana penyekatan daripada pihak Kerajaan, terutamanya tentang isu perkataan "Allah".

Generasi pelapis kita (iaitu kanak-kanak dan remaja) tidak mempunyai banyak bahan sumber Kristian untuk membantu mereka bertumbuh dalam iman. Mereka lebih tahu agama lain daripada agamanya sendiri kerana itu yang didedahkan kepada mereka setiap hari di sekolah, ataupun media massa yang lain. Maka itu kesedaran harus dibangkitkan kepada ibubapa tentang peranan penting mereka dalam pembentukan kerohanian anak-anak mereka.




Pelancaran kempen disempurnakan oleh Pr. Sam Ang selaku Setiausaha Umum NECF. Beliau menekankan perlunya lebih banyak bahan sumber dalam BM diterbitkan untuk gereja-gereja BM, lebih-lebih lagi pada masa Gereja menghadapi pelbagai cabaran seperti kes penahanan 35,100 buah Alkitab, serta pelarangan-pelarangan yang lain.

Majlis sekali gus juga melancarkan buku "**101 Cerita-Cerita Dari Alkitab**" yang telah diterbitkan khusus untuk kempen ini. Dan diakhiri dengan hampir satu jam untuk mendoakan pelbagai aspek gereja BM.

Untuk kempen ini, kami mengajak anda untuk sama-sama menjayakannya melalui:

- (1) Menerangkan tujuan dan matlamat kempen ini apabila anda memberikan buku "**101 Cerita-Cerita dari Alkitab**" kepada mereka yang menerimanya. Jelaskan kepada jemaat anda tentang tanggungjawab kita dalam mendidik dan membimbing generasi muda di gereja kita.
- (2) Dorongilah para ibubapa Kristian di gereja anda untuk menggunakan buku tersebut dalam membina mezbah keluarga mereka, untuk membangun dan membina iman anak-anak kita sejak umur dini lagi. Ini dapat melindungi mereka daripada tertarik kepada agama lain dan mula mendalami pegangan kepercayaan imannya sendiri.
- (3) Anda juga boleh mensponsor buku-buku ini supaya dapat disebar kepada tadika-tadika, rumah kanak-kanak, rumah-rumah panjang dan gereja-gereja di pedalaman Sabah dan Sarawak, serta pelayanan Orang Asli.
- (4) Ambil masa untuk mendoakan kempen ini pada hari Paskah ini nanti. Semoga Tuhan akan menggunakan buku keluarga ini sebagai satu bibit kebangunan rohani di negara ini, terutama untuk gereja-gereja BM.



Sepatah dua kata.



Shalom,

Perpatah Melayu ada mengatakan "Orang memberi, kita merasa". Kami berharap agar lebih banyak gereja dan individu yang tergerak untuk memberi supaya lebih banyak buku dan bahan sumber yang boleh dicetak dan disebar ke pedalaman Sabah & Sarawak.

Kami memerlukan dana yang besar untuk mencetak- ulang buku "**101 Cerita-Cerita Dari Alkitab**" supaya dapat disebar secara murah, banyak dan cepat.

Kami juga dalam proses menulis/menterjemah **Alkitab Kanak-Kanak** setebal 408 halaman, dengan ilustrasi warna penuh untuk generasi pelapis dan pemimpin masa depan gereja.

Anda dan gereja anda pasti boleh memainkan peranan dalam 2 projek ini. Memberilah kerana kita telah pernah merasa!

Berita Rakan Penabur ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayanan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:
Wawasan Penabur
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, SELANGOR
Fax: 03-7727 7271
Email: wawasan.penabur@gmail.com
Website: www.wawasanpenabur.org

Akaun Bank kami :


- (1) Public Bank, Cawangan Kelana Jaya,
Account No: 3127674507
- (2) CIMB Bank, cawangan Damansara Utama,
Account No: 1250 000 7114 058

Bahan Sumber

Telah lengkap! Buku-buku Siri OBOR Belia (Buku 1-25) dari Wawasan Penabur



Layari laman web kami untuk maklumat-maklumat tentang buku-bukudan bahan sumber rohani dalam Bahasa Malaysia yang lain.



Buku baru terbitan Sword Publishing. "Mutuara-Mutuara Terindah" oleh Christine Lai. (RM 21.00)

Awake, East Malaysia!

Seminar "Awake, East Malaysia" ini adalah lanjutan daripada seminar "East Malaysia Awareness" tahun lalu yang lebih kepada memberi kesedaran tentang isu-isu yang dihadapi oleh gereja-gereja Sabah, Sarawak & Orang Asli. Pada tahun ini, kita akan beralih daripada kesedaran kepada tindakan. Kita harus bangkit dan bersinar terutama sekali dalam menghadapi isu-isu pengislaman yang berlaku di semua peringkat umur generasi pelapis kita: dari tadika, sekolah, kolej hinggalah alam pekerjaan.

Seminar juga akan menyentuh tentang hak-hak istimewa Sabah dan Sarawak. Praktisioner di lapangan akan membuka mata kita tentang isu-isu yang sedang dihadapi di Sabah & Sarawak. Tidak ketinggalan juga untuk mengerti lebih lanjut cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Orang Asli di Semenanjung.

Para Pembicara Seminar "Awake, East Malaysia!"

- ❖ **Alfred Tais** - Setiausaha Eksekutif Komisi BM NECF. Dia mengimpikan gereja BM dan OA yang kuat di Malaysia baik dari segi Pengajaran Firman Allah, Misi & Penginjilan, Doa Praktikal, Kepemimpinan dan Pembangunan Ekonomi.
- ❖ **Bishop Melter Tais** - ditahbiskan sebagai asisten Uskup Diosis Anglikan Sabah dan merupakan uskup Bumiputera yang pertama di Sabah.
- ❖ **Dr. Andrew Areia** - Pensyarah, Universiti Malaysia Sarawak.
- ❖ **Dr. Colin Nicholas** - Kordinator, Center for Orang Asli Concerns.
- ❖ **Jubilie Apin** - Pastor Misi dan Pelajar, SIB Likas.
- ❖ **Lim Heng Seng** - 30 tahun pengalaman dalam bidang perundangan yang telah membantu gereja melalui penelitian, penulisan dan pembicaraannya terutama tentang Perlembagaan Persekutuan.
- ❖ **Maklin Masiau** - Pengerusi Persatuan Guru2 Kristian Sabah dan Majlis Gereja2 Pitas.

Layari website kami untuk mengetahui lebih lanjut tentang mereka.

AWAKE
East Malaysia
BANGKIT & BERSINAR!
Seminar, Dialog & Persembahan Kebudayaan
7hb Mei 2011 (Sabtu), Dream Center DUMC, PJ

Lebih daripada 67% umat Kristian di Malaysia adalah yang berbahasa Malaysia, dan majoriti daripada mereka adalah bumiputera Kristian Sabah dan Sarawak. Namun kita berada di ambang bahaya kehilangan generasi pelapis dan pemimpin masa depan gereja BM kita kepada orang lain. Kita mempunyai tanggungjawab dalam mewarnai masa depan gereja kita. Kunci kebangunan rohani ada di tangan kita. Bangkit, dan bersinarlah!

Pembicara & Ahli Panel:
Alfred R. Tais (Setiausaha Eksekutif, Komisi BM NECF)
Bishop Melter J. Tais (Uskup Anglikan Diosis Sabah)
Dr. Andrew Aeria (Pensyarah, Universiti Malaysia Sarawak)
Dr. Colin Nicholas (Kordinator, Center for Orang Asli Concerns)
Jubilie Apin (Pastor Misi & Pelajar, Sidang Injil Borneo Likas)
Lim Heng Seng (Peguam, Penulis & Penyunting)
Maklin Masiau (Pengerusi, Persatuan Guru-guru Kristian Sabah)

Bangkitlah, menjadi teranglah, sebab terangnya datang dan kemuliaan TUHAN terbit atasnya. (Yesaya 60:1)

Anjuran bersama: **NECF** **WAWASAN PENABUR** **DUMC**

Pengumuman:

◆ Daftarlah sekarang!

Jangan sampai ketinggalan peluang menyertai seminar "Awake, East Malaysia" 2011. Layari laman web kami untuk maklumat lanjut.

◆ Kami Memerlukan Ruang Pejabat/Gudang

Dengan lebih dari 25 tajuk dan ribuan Alkitab Kanak-kanak, kami kini menghadapi masalah ruang! Jika anda mempunyai rumah atau ruang pejabat kosong yang mahu digunakan untuk pelayanan, sila hubungi kami!